

Accepted	Reviewed	e-Journal Upload
17 JUNE 2022	17 NOV 2022	29 NOV 2022

Kajian Kontrastif Terhadap Persamaan Implikatur Ayat Larangan Dalam Bahasa Arab Dan Bahasa Melayu

A Constrastive Study On Similarities Of Implicative In Prohibition Sentences In Arabic Language And Malay Language

Fauzi Azmi¹, Muhamad Zaidi Zakaria², Janudin Sardi³, Asma' Ammar⁴.

ABSTRAK

Kajian ini menyentuh kontras antara bahasa Arab (BA) dan bahasa Melayu (BM) terhadap persamaan implikatur ayat larangan. Implikatur ialah suatu bentuk pentafsiran makna yang melangkaui makna tersurat dalam sesebuah ayat. Objektif kajian ini untuk mengenal pasti persamaan implikatur gaya bahasa larangan dalam kedua-dua bahasa ini. Metodologi kajian ini merupakan kajian kepustakaan, kajian deskriptif dan analisis kontras berdasarkan teks dalam kedua-dua bahasa. Dapatan kajian menjelaskan terdapat 14 makna implisit yang sama dalam BA dan bahasa BM. Kajian ini menyumbang kepada suatu penerokaan baharu dalam kajian linguistik bahasa Arab dan bahasa Melayu. Hasil kajian ini juga boleh membantu para pengajar dan penyelidik bahasa untuk mengesan titik persamaan serta membina kurikulum baharu bagi tujuan pengajaran yang lebih mudah dan menarik. Para pelajar bahasa asing juga dapat menguasai bahan pengajaran tersebut dengan lebih pantas dan menghiburkan.

Kata Kunci: *Linguistik, Kontrastif, Implikatur, Pragmatik, Bahasa Arab, Bahasa Melayu*

ABSTRACT

The study on constructive linguistics has opened new dimensions in the teaching and learning of language(s). It combines two or more different languages and focuses on the aspects of similarity, contrast and able to predict the level of difficulty in the teaching and learning between the languages involved. This approach is introduced to students learning a foreign language with the purpose of making it more effective, efficient, easy, and interesting to learn a language. This study looks at the contrast between Arabic Language and Malay Language on the similarities of implicative in prohibition sentences. Implicative is a way of describing meaning above the literal meaning of a sentence. The objective of this study is to identify implicative similarities in prohibition language in both Arabic and Malay. The methodology used include library research, descriptive research and contrast analysis in textbooks of both languages. Generative transformative and pragmatic theories are applied in this analysis. The result show that there are 14 similar implicit meanings in Arab and Malay. This study also contributes to new discoveries in Arabic and Malay linguistic research. Results from the study too may help instructors

¹ Fauzi Azmi (PhD), Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), fawwaz@uitm.edu.my.

² Muhamad Zaidi Zakaria (PhD), Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), muhazaidi@uitm.edu.my.

³ Janudin Sardi (PhD), Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), janudin@uitm.edu.my.

⁴ Asma' Ammar (MA), Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM), asmaammar@uitm.edu.my.

and language researchers to find a common ground in constructing new curricular for teaching purposes that is both easy and interesting. Foreign language learners can also master the entertaining lessons effortlessly.

Keywords: *Linguistics, Contractive, Implicative, Pragmatic, Arabic Language, Malay Language.*

Pengenalan

Kajian ilmu linguistik kontrastif (contrastive linguistics) merupakan suatu kajian antara dua bahasa yang berlainan rumpun seperti bahasa Arab yang berasal daripada Semitik dan bahasa Melayu daripada rumpun Polinesia. (Hijazi, 1973). Linguistik kontrastif membandingkan struktur dua bahasa dan menentukan titik-titik di mana mereka berbeza. Perbezaan inilah merupakan kesukaran dalam mempelajari bahasa. (Lado, 1957).

Makalah ini memfokuskan aspek kontrastif terhadap implikatur ayat larangan antara bahasa Arab dengan bahasa Melayu. Implikatur merujuk kepada penggunaan bahasa tersurat untuk menyampaikan sesuatu mesej secara tersirat. Jalaluddin (1992), implikatur dalam erti kata yang mudah ialah mesej yang tersirat yang disampaikan oleh penutur dalam ungkapan Mesej yang diperoleh merupakan apa-apa yang dideduksikan daripada apa-apa yang diperkatakan. Implikatur merupakan satu aspek yang terpenting dalam bidang pragmatik, iaitu bidang mengkaji hubungan ayat dengan konteks. Carston (1998) menyatakan implikatur ialah mengenai mesej yang tersirat yang cuba disampaikan dengan ujaran yang tersurat. Implikatur melibatkan apa-apa yang diujarkan secara eksplisit dan juga apa-apa yang dilahirkan secara implisit (Jalaluddin, 1992). Para sarjana Arab membincangkan aspek makna sesuatu ujaran itu kepada makna hakiki dan bukan hakiki dalam ilmu balaghah, khususnya dalam bab ilmu Ma'ani.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan mengenal pasti persamaan implikatur gaya bahasa larangan antara BA dengan BM dan menganalisis serta menginterpretasi makna ayat-ayat tersebut.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian perpustakaan dan kajian deskriptif. Data kualitatif dikenal pasti dan dianalisis secara induktif dan deskriptif bagi mencapai objektif kajian. Proses pertama dalam metodologi analisis kontrastif adalah memperbandingkan struktur dua bahasa; bahasa pertama BA dengan bahasa kedua BM. Realitinya persoalan dan perbincangan BM tiada sumber dan rujukan khusus yang dipersetujui dalam sandaran atau penghujahan dalam pembentukan asas dan huraian tatabahasa. Perkara ini berbeza dengan BA yang mempunyai sumber autoritatif yang telah disepakati oleh para sarjana dahulu dan moden. Penghujahan BA berdasar sumber-sumber berikut: (i) Al-Quran, (ii) Hadith Nabawi dan syair-syair Arab.

Baji membaca dan meneliti persoalan `ilm al-ma`aniy ini dalam pelbagai buku dan rujukan ilmu nahu, retorik Arab, usûl fiqh, tauhîd, ulûm al-Quran dan tafsir. Sebagai panduan, sumber utama dan pegangan asas dalam kajian kontras ini, pengkaji memilih buku-buku berikut: (i) *Ma'ani al-Nahw* karya Faḍl Ṣaliḥ al-Samara'iy (2000), (ii) *Jawahir al-Balaghah* karya Aḥmad al-Hasyimiy (1978), (iii) *al-Balaghah: funūnuha wa afnanuha* karya Faḍl Ḥasan 'Abbas (1985) dan *Mu'jam al-muṣṭalahat al-balaghiyyah wa taṭawwuruha* karya

Ahmad Matlûb (1986).

Sementara sumber kajian dalam BM pula daripada buku-buku tatabahasa Melayu/Malaysia, seperti: (i) *Nahu Melayu Mutakhir* karya Asmah Omar (1980), (ii) *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu* karya Nik Safiah Karim et al. (2013), (iii) *Tatabahasa Malaysia* karya Arbak Othman (1981) dan *Tatabahasa Bahasa Melayu* karya Abdullah Hassan (2003).

Sebagai medan praktikal gaya bahasa permintaan dalam BM, buku-buku novel adalah sebagai subjek kajian. Novel-novel dipilih daripada karya lima orang tokoh Sasterawan Negara, bermula tokoh pertama hingga tokoh kelima. Novel-novel tersebut ialah: (i) *Korban Kesuciannya* karya Kamaludin Muhamad @ Keris Mas (1993), (ii) *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad (1997), (iii) *Tulang-tulang Berserakan* karya Usman Awang (2006), (iii) *Salina* karya A. Samad Said (2003) dan *Sandera* karya Muhammad Dahlan bin Abdul Biang @ Arena Wati (2003).

Pengkaji juga telah menjelaskan sebelum ini bahawa gaya larangan implisit dalam BA telah tersusun secara sistematik dalam pengajian balaghah berbanding dengan BM yang belum jelas kedudukannya. Justeru, sampel-sampel dalam BA memang telah tersedia ada daripada aspek teori atau kaedah yang dikuatkan atau dihuraikan dengan contoh-contoh daripada teks al-Quran, Hadith, syair dan pidato. Perkara ini berbeza jika dibandingkan dengan BM yang tiada rujukan utama dan muktamad dalam aspek bahasa. Untuk itu, pengkaji mendapatkan dan menyenaraikan sampel-sampel gaya bahasa larangan implisit dalam BM menerusi teks-teks yang telah dinyatakan dan dibatasi kajiannya sebelum ini. Sampel-sampel ini hanya difokuskan kepada gaya bahasa larangan dari perspektif pragmatik sahaja, kerana daripada perspektif sintaksis/ tatabahasa sudah ada dibincangkan dalam BM. Melalui kontrasif dua bahasa itu dapat dikenal pasti persamaan struktur bahasa pertama dan bahasa kedua.

Dapatan Kajian-dan Perbincangan

Dapatan kajian memaparkan terdapat 12 ciri persamaan kata perintah implisit BA dan BM (Fauzi, 2016: 382-385). Jadual di bawah menjelaskan persamaan tersebut:

No.	Kata Larangan Bukan Hakiki	BA	BM
1	larangan setaraf	√	√
2	larangan dalam doa	√	√
3	larangan untuk angan-angan	√	√
4	larangan nasihat	√	√
5	larangan ugut	√	√
6	larangan celaan	√	√
7	larangan hinaan	√	√
8	larangan pesimis	√	√
9	larangan tunak	√	√
10	larangan setara	√	√
11	larangan tentang akibat	√	√
12	larangan menenteramkan keadaan	√	√

Rajah 0.1: Persamaan gaya bahasa larangan implisit BA dan BM.

Analisis Persamaan Implikatur Ayat Larangan dalam BA dan BM.

Sememangnya tiada perbincangan khusus ayat larangan eksplisit (hakiki) dan implisit (bukan hakiki) dalam BM, tetapi pada realitinya apabila melihat daripada perspektif balaghah Arab atau semantik dan pragmatik dalam kajian linguistik gunaan maka pengklasifikasian ini boleh berlaku dan tidak dapat disangkal akan kewujudannya dalam BM. Melalui kajian ini pengkaji cuba merapatkan jurang kefahaman antara kedua-dua bahasa dalam konteks ayat ini bagi memudahkan para pelajar Melayu memahami pelajaran balaghah dengan cepat dan pantas. Di samping itu dapat meneroka genre baharu dalam kajian balaghah atau pragmatik BM (Fauzi, 2016: 231).

Berdasarkan definisi ayat larangan dalam BA, maka ia juga boleh diimplementasikan ke dalam BM, sebagai: tuntutan meninggalkan sesuatu perbuatan daripada pihak yang lebih tinggi. Ujaran ayat larangan daripada pihak atas kepada pihak bawah juga merupakan faktor utama untuk diklasifikasikan sebagai ayat larangan hakiki. Huraian berikut merupakan perbincangan dan huraian tentang 12 jenis larangan.

1. Larangan Setaraf

Larangan setaraf (النهي للاتماس) ialah permintaan meninggalkan sesuatu kepada orang yang setaraf, seperti kawan dengan kawan, adik beradik atau sepupu sepapat sesama mereka. (Aḥmad, 1983, jld. (c): 345; Aḥmad, 1988: 83; Faḍl, 1992: 154). Hal ini terdapat dalam BA yang tercatat al-Quran, khususnya ungkapan Nabi Harūn kepada sepupunya Nabi Mūsa. Dalam konteks BM, larangan setaraf juga wujud dalam bahan kajian. Senarai berikut merupakan contoh larangan setaraf dalam BA dan BM.

1. Maksudnya: “Harun menjawab: “*Hai sepupuku, janganlah kamu pegang janggutku dan jangan (pula) kepalaku; Sesungguhnya aku khuatir bahawa kamu akan berkata (kepadaku): “Kamu telah memecah antara Bani Israil dan kamu tidak memelihara amanatku”* (Taha, 20: 94).
2. “*Jangan sekali-kali kau sampaikan kepadanya apa yang aku katakan, kerana dia adalah seorang yang berani, apabila disebutkan kepadanya sesuatu celaan, maka dia akan marah.*” (Abū al-Tayyib berkata,
فَلَا تُبْلِغَاهُ مَا أَقُولُ فَإِنَّهُ شَجَاعٌ مَتَى يُذَكَّرُ لَهُ الطَّعْنُ يَشْتَقِ
3. “*Jangan encik Busu berbuat sesuatu itu kerana terpaksa*” (Keris Mas, 1999: 89).
4. “*Kau jangan tangkap aku nanti, Man,*” Busu menguraui teman lamanya” (Awang, 2006: 13).

Contoh 1 dan contoh 2 di atas ialah larangan setaraf yang terdapat dalam BA, manakala contoh 3 dan contoh 4 ialah larangan setaraf dalam BM. Contoh di atas menunjukkan larangan antara Nabi Harun kepada sepupunya, iaitu Nabi Musa. Nabi Harun dan Nabi Musa mempunyai hubungan yang setaraf sebagai sepupu. Hal ini dengan contoh 2 yang menunjukkan hubungan setaraf antara kawan. Dalam contoh 2, Abū al-Tayyib melarang kawannya agar tidak menceritakan atau menyampaikan apa-apa kritikan dan cacian orang terhadap Saif al-Dawlah (Pembesar Negara ketika itu). Bagi contoh 3 dan contoh, larangan setaraf dalam bahasa Melayu dapat dilihat melalui novel yang dihasilkan oleh Keris Mas dan Awang. Ujaran “*Jangan encik*

Busu berbuat sesuatu itu kerana terpaksa” menunjukkan hubungan keluarga antara Man dengan Busu. Begitu juga dengan contoh 4 yang memperlihatkan hubungan kekeluargaan. Hubungan kekeluargaan merupakan hubungan yang setaraf, sama seperti hubungan yang wujud dalam contoh 1. Kajian ini menyimpulkan bahawa larangan setaraf wujud dalam BA dan BM.

2. Larangan dalam Doa

Doa janganan (النهي لدعاء) (Aḥmad, 1983, jld. (3): 344; Aḥmad, 1988: 83; Faḍl, 1992: 154) Doa janganan ialah permohonan supaya tidak dilakukan sesuatu daripada pihak yang lebih rendah kepada pihak yang lebih tinggi, seperti doa seorang hamba kepada Allah.

- (1) Maksudnya: *"Ya Tuhan kami, **janganalah** Engkau hukum kami jika kami lupa atau kami tersalah. Ya Tuhan kami, **janganalah** Engkau bebaskan kepada kami beban yang berat sebagaimana Engkau bebaskan kepada orang-orang sebelum kami. Ya Tuhan kami, **janganalah** Engkau pikulkan kepada kami apa yang tak sanggup kami memikulnya"* (al-Baqarah, 2: 286).

Dalam ayat al-Quran di atas ada tiga doa janganan iaitu pada frasa; *janganalah Engkau hukum kami, Ya Tuhan kami, janganalah Engkau bebaskan kepada kami* dan *Ya Tuhan kami, janganalah Engkau pikulkan.* Doa janganan ini tetap ada dalam ungkapan doa BM, seperti contoh berikut:

- (2) *"Ya Allah! **janganalah** Engkau biarkan kami sesaat pun tanpa hidayah-Mu."*
- (3) *"Ya Allah! dosaku tinggi menggunung, sebanyak pepasir di pantai, maka **janganalah** Engkau campakkan aku ke dalam neraka-Mu".*

Dalam contoh 1 di atas terdapat tiga ayat larangan dalam doa yang terdapat dalam BA dengan kata larangan; janganalah. Manakala contoh 2 dan contoh 3 ialah larangan dalam doa yang terdapat dalam BM, juga dengan kata larangan; janganalah. Contoh ayat-ayat di atas menjelaskan gaya bahasa larangan dalam doa wujud dalam BA dan BM.

3. Larangan angan-angan

Larangan angan-angan (النهي للتمني) (Aḥmad, 1983, jld. (c): 345; Aḥmad, 1988: 83; Faḍl, 1992: 155) Ayat larangan angan-angan merupakan tuntutan untuk meninggalkan sesuatu yang mustahil. Contoh 1 dalam BA seperti mana ungkapan Abū Nuwas:

يَا نَاقُ لَا تَسْأَمِي أَوْ تَبْلُغِي مَلِكًا تَفِيئِلُ رَاحَتِهِ وَالرُّكْنَ سَيِّئًا

Maksudnya: *Wahai unta! Janganalah kamu bosan atau datanglah kepada raja, kerana mencium tangannya dan mencium rukun (pada bahagian Ka`bah) itu sama."*

Frasa *Janganalah kamu bosan* merupakan ayat larangan yang bermaksud angan-angan. Ungkapan Abū Nuwas kepada seekor unta menjelaskan lagi konteks ayat itu bermaksud angan-angan.

Contoh ujaran ini dalam BM ialah :

- (2) “Janganlah *dimimpikan itu*” (Said, 2003: 42).
- (3) “*Tak usahlah diharap-harapkan tuan rumahnya*” (Said, 2003: 43).
- (4) “*Janganlah diharapkan Kurupaya, sampai mati pun tak kan sudah*” (Said, 2003: 44).

Dalam contoh 1 di atas terdapat ayat larangan angan-angan yang terdapat dalam BA sebagai mana ungkapan Abū Nuwas kepada unta. Ungkapan ini pastinya menunjukkan konatasi angan-angan sahaja kerana unta itu tidak akan memahami maksud ungkapannya itu. Sementara contoh 2, 3 dan 4 dengan perkataan; janganlah dan tak usahlah menunjukkan konatasi larangan angan-angan dalam BM. Contoh ayat-ayat di atas menjelaskan gaya bahasa larangan angan-angan wujud dalam BA dan BM.

4. **Larangan nasihat** (النهي لإرشاد) (Aḥmad, 1983, jld. (c): 345; Aḥmad, 1988: 83; Faḍl, 1992: 154) Larangan nasihat merupakan tuntutan tidak melakukan sesuatu dengan tujuan memberi nasihat. Contoh dalam BA seperti mana maksud firman Allah S.W.T:

(1) “..dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarnya” (al-Baqarah, 2: 282).

(2) 'Abū al-`A`la' al-Ma`arriy berkata:

وَلَا تَجْلِسْ إِلَى أَهْلِ الدُّنْيَا فَإِنَّ خَلَائِقَ السُّفَهَاءِ تُعَدِّي

Maksudnya: “*Janganlah kamu berkawan dengan orang rendah budinya, kerana perandai orang-orang bodoh itu akan mempengaruhi.*”

Larangan nasihat ialah pada frasa *Janganlah kamu berkawan.*

Contoh ujaran ini dalam BM ialah:

(3) “Nanti ayah balik, *jangan nakal-nakal, main baik-baik, tengok ibu ya!*” (Awang, 2006: 82-83)

Kata larangan “jangan” pada contoh 3, mengandungi makna larangan didikan berdasarkan konteks situasi ujaran tersebut.

(4) “*Hilmy sudahlah tak usah fikir-fikirkan tentang hal itu. Baca sajalah buku kau tu. Belajar sahaja dulu. Itu hal dia; itu hal orang tua. Kau tak usah ambil tahu*” (Said, 2003: 19).

Terdapat dua tempat kata larangan “*tak usah*” pada ujaran contoh 4. Berdasarkan konteks peristiwa maka makna kata larangan tersebut bermaksud larangan bertujuan mendisiplinkan pihak kedua.

Pada contoh 1 dan 2 menjelaskan kata larangan; janganlah, mengandungi makna larangan nasihat dalam BA. Pada contoh 3, kata larangan; jangan dan contoh 4 kata larangan; tak usah menunjukkan makna larangan nasihat dalam BM. Contoh ayat-ayat di atas menjelaskan ada persamaan gaya bahasa larangan nasihat dalam BA dan BM.

5. **Larangan ugut** (النهي للتهديد) (Faḍl, 1992: 155) Larangan ugut merupakan tuntutan untuk tidak melakukan sesuatu dengan tujuan mengugut. Contoh dalam BA, seumpama kata-kata seorang pensyarah memberi amaran kepada para pelajarnya yang malas;

(1) “*kamu semua jangan serahkan tugas itu esok!*”

Antara contoh ujaran ini dalam BM ialah:

- (2) “*Engkau jangan masuk campur. Tutup mulut kau, Nanti aku ganyah dengan sambal, tau? tegas dan sungguh-sungguh suara Zarina*” (Said, 2003: 63).
- (3) “*Kau jangan bohong-bohong, tau Inah! Kau fikir aku duduk di rumah saja selalu, aku tak tau, ya?* (Said, 2003: 158).
- (4) “*Tapi jangan lupa, kebenaran ini boleh batal kalau kami buat laporan polis*” (Wati, 2003: 341).

Kata larangan pada keempat-empat ujaran di atas ialah “*Jangan*”. Berdasarkan konteks situasi ujaran-ujaran tersebut membawa makna persamaan implikatur larangan ugut dalam BA dan BM.

6. **Larangan celaan** (النهي للتوبيخ). Larangan celaan merupakan tuntutan untuk meninggalkan sesuatu dengan tujuan mencela, Contoh 1 dalam BA sepertimana ungkapan Abū al-Aswad al-Duwaliy:

لا تَنْهَ عَنْ خُلُقٍ وَتَأْتِي مِثْلَهُ عَاَزَ عَلَيْكَ إِذَا فَعَلْتَ عَظِيمًا

Maksudnya: “*Janganlah kamu melarang sesuatu perbuatan, sedangkan kamu mengerjakan perbuatan yang sama. Sangat besar aib bagi kamu, seandainya kamu melakukan perkara itu.*”

Pada contoh di atas penyair bermaksud orang yang melarang orang lain berbuat kejahatan, namun dirinya sendiri melakukannya. Frasa *Janganlah kamu melarang* merupakan larangan celaan berdasarkan konteks situasi syair tersebut.

Antara contoh dalam BM ialah:

- (2) “*Kau jangan besar kepala sekarang,*” kata Abdul Fakar sambil menghempaskan tempat abu rokok yang ada di dekatnya” (Said, 2003: 518).
- (3) “*Aku jangan engkau tipu seperti orang-orang tahanan lainnya yang selama ini sudah tertipu dengan pancingan-pancingan daripada orang yang pangkatnya seperti kau,*” Sariyah menyerang anak muda ini dengan sungguh-sungguh” (Arena Wati, 2003: 122).

Perkataan; Janganlah dalam contoh 1 menunjukkan makna larangan celaan dalam BA. Manakala perkataan; jangan dalam contoh 2 dan 3 di atas menunjukkan makna larangan celaan dalam BM. Berdasarkan contoh ayat-ayat larangan celaan dalam BA dan BM di atas menguatkan wujudnya persamaan implikatur larangan celaan dalam BA dan BM.

7. Larangan Hinaan (النهي للتحقير) (Aḥmad, 1983, jld. (3): 345; Aḥmad, 1988: 84; Faḍl, 1992: 155). Larangan hinaan merupakan tuntutan untuk meninggalkan sesuatu dengan tujuan menghina. Contoh 1, seperimana firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu tujukan kedua matamu kepada apa yang telah Kami berikan kepada golongan-golongan dari mereka, sebagai bunga kehidupan dunia untuk kami cubai mereka dengannya. dan kurnian Tuhan kamu adalah lebih baik dan lebih kekal.” (Ṭaha, 20: 131).

Dalam ayat al-Quran di atas Allah S.W.T melarang orang Islam untuk memanjangkan pandangan mereka kepada kehidupan orang kafir yang penuh dengan keindahan duniawi. Larangan hinaan ini pada frasa dalam bentuk *“Dan janganlah kamu tujukan”*. Contoh 2 seperimana seorang penyair berkata:

لَا تَطْلُبِ الْمَجْدَ إِنَّ الْمَجْدَ سُلْمَةٌ صَعْبٌ وَعِشْ مُسْتَرِيحًا نَاعِمَ الْبَالِ

Maksudnya: *“Janganlah kau cari kemuliaan, sesungguhnya tangga kemuliaan itu adalah kesusahan. Hiduplah secara bersantai-santai dengan hati yang senang lenang.”*

Pada bait syair di atas terdapat larangan hinaan kepada orang kedua pada ungkapan *Janganlah kau cari*. Ditujukan larangan hinaan itu kepada orang yang inginkan kemuliaan dan kejayaan dalam hidupnya tetapi tidak mahu hadapi kesusahan dalam menaiki ke tangga kemuliaan.

Antara contoh ujaran larangan hinaan dalam BM:

(3) *“Aku tidak mahu wang kau, dan jangan tidur di sini. Keluar lekas!”* (Said, 2003: 490).

(4) *“Aku tak mau orang seperti kau tinggal lagi di sini, dan kau jangan cuba endak buat baik saja, beri aku wang tiap-tiap hari. Aku tak mau wang kau lagi”* (Said, 2003: 490).

(5) *“Dia keluar dan hendak pergi. Matali melihatnya, dan datang mengejar dan berteriak, “Jangan pergi, ini gara-gara daripada kau...”* (Wati, 2003: 459).

Berdasarkan konteks situasi-situasi dalam contoh di atas, sama ada dalam BA pada contoh 1 dan 2. Mahupun dalam BM pada contoh 3,4 dan 5 maka jelas kata larangan *“Jangan”* tidak membawa makna lain selain larangan hinaan. Di sinilah persamaan makna implikatur larangan hinaan dalam BA dan BM.

8. Larangan Pesimis (putus asa) (النهي للتئيس) (Aḥmad, 1983, jld. (c): 345; Aḥmad, 1988: 83; Al-Samara’iy, 1992: 154-155). Larangan pesimis merupakan tuntutan untuk tidak menunjukkan sikap berputus asa. Sebagaimana contoh 1 dalam firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“Tidak usah kamu minta maaf, kerana kamu kafir sesudah beriman” (Al-Tawbah, 8: 66).

Larangan pesimis pada ayat di atas ialah pada frasa *Tidak usah kamu minta maaf*. Ayat ini menjelaskan bahawa Allah S.W.T melarang orang kafir daripada meminta maaf, kerana sikap mereka yang tidak tetap pendirian terhadap perintah Allah. Mereka mempermain-mainkan perintah Allah, ada masa percaya dan kemudian tidak percaya kembali. Di atas sikap inilah Allah melarang mereka untuk menagih keampunan-Nya. Contoh 2, sepertimana ungkapan Abū al-Ṭayyib memuji Saif al-Dawlah:

لَا تَطْلُبَنَّ كَرِيمًا بَعْدَ رُؤْيَيْهِ إِنَّ الْكِرَامَ بِأَسْحَاهُمْ خْتَمُوا

Maksudnya: “*Janganlah sekali-kali kamu mencari seorang dermawan setelah kamu melihat Saif al-Dawlah. Sesungguhnya para dermawan dengan kemurahan mereka telah diakhiri (olehnya).*”

Berdasarkan maksud bait syair di atas, penyair tidak melarang untuk para dermawan menghulurkan bantuan mereka kepada orang lain, tetapi penyair melarang menghulurkan bantuan dengan cara melahirkan sikap putus asa yang para dermawan akan rasai kerana mereka bukanlah orang yang layak untuk menderma dan membantu orang lain, jika dibandingkan dengan sifat dermawan yang ada pada Saif al-Dawlah.

Contoh ujaran ini dalam BM:

- (3) “*Bagaimanapun juga, kau jangan putus asa. Lihat aku, aku terima nasib yang kusengaja ini penuh kesabaran*”. (Wati, 2003: 1).
(4) “*Nah, saudara Zahid jangan putus asa! Teruskanlah menurut cara yang sesuai*” (Wati, 2003:150).

Dalam ujaran contoh 1 dan 2 menjelaskan kata larangan “*Jangan*” dalam BA mengandungi makna larangan pesimis berdasarkan konteks situasinya. Makna larangan pesimis juga terdapat dalam BM sepertimana dalam contoh 3 dan 4 di atas. Jelas sekali inilah antara persamaan makna implikatur ayat larangan dalam BA dan BM.

9. Larangan Tunak (النهي للدوام). Larangan tunak merupakan tuntutan untuk meninggalkan sesuatu yang dilarang Allah secara konsisten (Ahmad, 1988: 83). Contoh 1 menjelaskan makna ini, sebagaimana firman Allah S.W.T:

Maksudnya: “*Dan janganlah sekali-kali kamu (Muhammad) menyangka, bahawa Allah lalai dari apa yang diperbuat oleh orang-orang yang zalim. Sesungguhnya Allah memberi tangguh kepada mereka sampai hari yang pada waktu itu mata (mereka) terbelalak*” (Ibrahim, 14: 42).

Larangan tunak dalam ayat di atas “*Dan janganlah sekali-kali kamu (Muhammad) menyangka*”, merupakan larangan untuk terus tidak memikirkan seseolah Allah membiarkan apa saja yang dilakukan oleh orang kafir/zalim terhadap Baginda S.A.W.

Antara contoh dalam BM ialah:

- (2) “*Sudahlah Aini, kalau kegembiraanmu akan terganggu sampai begitu rupa kerana menceritakan riwayat yang sedih ini, biarlah saya minta maaf, dan sudahlah, jangan teruskan lagi,*” kata Encik Busu memujuk dan menghiburkan Aini” (Keris Mas, 1993: 65).

Berdasarkan konteks situasi ayat di atas, kata larangan pada ungkapan “*jangan teruskan lagi*” membawa maksud larangan tunak.

(3) “*Jangan bergerak kakimu! Jangan bergerak*” (Ahmad, 1997: 32).

Kata larangan “*Jangan*” pada ujaran di atas membawa makna larangan tunak berdasarkan konteks ayat terdahulu dan konteks peristiwa ujaran itu.

Pada contoh 1, memaparkan makna larangan tunak dalam BA. Allah SWT melarang secara tunak atau konsisten kepada Nabi Muhammad SAW agar Baginda tidak terus memikirkan tentang kekafiran dan kezaliman orang kafir terhadapnya. Dalam contoh 2 Encik Busu melarang Aini dengan makna larangan tunak dengan ungkapan; jangan teruskan lagi. Manakala contoh 3 pada perkataan; jangan membawa makna larangan tunak berdasarkan konteks ujaran tersebut. Justeru pada contoh ayat 1 dalam BA dan contoh ayat 2 dan 3 dalam BM menjelaskan ciri persamaan wujud ayat larangan tunak dalam BA dan BM.

10. Larangan Setara (النهي للتسوية) (Qais, 1988: 488). Larangan setara merupakan tuntutan untuk meninggalkan sesuatu dengan tujuan salah satu dua perkara yang sama kesannya. Contoh 1, sebagaimana firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“*Masuklah kamu ke dalamnya (rasakanlah panas apinya); Maka bersabarlah atau tidak sabar (jangan bersabar), sama saja bagimu; kamu diberi balasan terhadap apa yang telah kamu kerjakan*” (al-Ṭūr, 52: 16).

Frasa *janganlah bersabar* pada ayat di atas merupakan larangan setara kerana implikasinya sama sahaja, sama ada kamu akan masuk neraka dengan bersabar atau tidak sabar menghadapi azabnya.

Contoh di bawah menjelaskan maksud larangan ini tetap ada dalam BM:

(2) “*Ali! Kamu masuk atau tak masuk ke dalam kelas, kamu tetap didenda oleh Cikgu kerana kamu lewat datang*”

11. Nahy bayan al- ‘Aaqibah (نهي بيان العاقبة). Larangan tentang akibat bermaksud larangan yang menerangkan akibat sesuatu perkara (Ahmad, 1983, jld. (3): 346; Ahmad, 1988: 83). Hal ini seperti contoh 1, sebagaimana firman Allah S.W.T yang maksudnya:

“*Janganlah kamu menyangka bahawa orang-orang yang gugur di jalan Allah itu mati; bahkan mereka itu hidup di sisi Tuhannya dengan mendapat rezeki*” (Āl ‘Imran, 3: 169).

Ayat di atas ialah menerangkan hasil perjuangan di jalan Allah, maka para syuhada’ itu hidup, bukannya mati sepertimana sangkaan kebanyakan orang. Justeru datang larangan Allah untuk manusia tidak menyangka sedemikian kesudahannya.

Antara contoh dalam BM ialah:

(2) “*Nah, mak, minum ni, jangan dinanti-nanti lagi. Nanti melarat*” (Said, 2003: 58).

(3) “*Bang, saya mahu minta roti,*” Kadir bangkit menuju ke pintu. *Jangan! Tegah Mahadi. Perutmu boleh kenyang dengan roti mereka. Tapi kau dan bangsamu tidak akan selamat dengan kembalinya penjajah itu ke mari*” (Wati, 2003: 161).

Kata larangan “*jangan*” pada kedua-dua contoh di atas membawa maksud larangan yang menerangkan akibat sesuatu perkara, apabila melihat kepada konteks situasi dan latar kejadian ujaran itu.

Dalam contoh 1 ayat larangan tentang akibat sesuatu perkara dalam BA dan contoh ayat 2 dan 3 dalam BM menjelaskan persamaan konatasi ayat larangan ini.

12. *Nahi al-‘Itimas* (نهى الإلتماس) (Ahmad, 1983, jld. (c): 345; Ahmad, 1988: 83) bermaksud larangan untuk menenteramkan keadaan. Contoh 1 sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

"Janganlah kamu bersedih, sesungguhnya Allah beserta kita" (al-Tawbah, 9: 40).

Berikut dua contoh larangan ini dalam BM:

(2) “*Janganlah bersedih hati Aini. Jika umur panjang kanda akan segera pulang, dan pulang itu ialah membawa berita kemenangan. Engkau jagalah baik-baik kehormatan diri dan janganlah membiarkan hati selalu menderita.*” (Keris Mas, 1993: 64).

(3) “*Diam nak, jangan nangis ya, Ayah memujuk menahan sebak dadanya.*” (Awang, 2006: 82).

Contoh (b) terdapat kata larangan “*jangan*” yang bermaksud menenteramkan keadaan berdasarka konteks kejadiannya .

Dalam BA perkataan janganlah pada contoh 1 menjelaskan larangan tersebut merupakan larangan eksplisit (bukan hakiki) yang bermaksud larangan menenteramkan keadaan. Sementara dalam BM untuk contoh 2 menjelaskan ada dua kali kata larangan; jangan yang membawa makna larangan untuk menenteramkan keadaan berdasarkan konteks situasinya. Contoh 3 juga kata larangan jangan membawa makna larangan menenteramkan keadaan. Dengan ketiga-tiga contoh di atas maka sangat jelas persamaan makna larangan menenteramkan keadaan terdapat dalam BA dan BM.

Kesimpulan

Kajian ini memaparkan 12 persamaan gaya bahasa larangan implisit antara BA dengan BM. Paparan persamaan ini sangat membantu kefahaman bagi penutur bukan jati BA dan memudahkan penuntut BA sebagai bahasa asing dalam mempraktikkan BA. Di samping itu, kajian ini membuka dimensi baharu dalam balaghah/retorik, pragmatik Melayu serta genre kesusasteraan Melayu melalui penerokaan dan penggarapan gaya bahasa larangan implisit dalam BM yang berasaskan gaya bahasa larangan implisit BA.

Rujukan

- ‘Abbas, F. H. 1992. *al-Balaghah: funūmuha wa afnanuha*. Jordan: Dar al-Furqan.
- Ahmad, S. 1997. *Ranjau Sepanjang Jalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Al-‘Alawiyy, H. Y. 2002. *Kitab al-Tiraz*. Beirut: Al-Maktabah al-‘Aşriyyah.
- Al-Hasyimiy, A. 2010. *Jawahir al-Balaghah*. Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah.
- Al-Quran al-Karim.
- Al-Samara’iy, F. S. 2003. *Ma`ani al-Nahw. `Amman: Dar al-Fikr*.
- Awang, U. 2006. *Tulang-Tulang Berserakan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azmi, F. 2016. *Gaya Bahasa Permintaan: Satu Kajian Kontrasif antara Bahasa Arab dengan Bahasa Melayu*. Tesis Ph.D. Universiti Malaysia Terengganu.
- Carston, R. 1998. *Relevance theory : applications and implication*. Amsterdam : J. Benjamins
- Hasan, A. 2003. *Tatabahasa Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributor.
- Hijaziy, M. F. 1973. *‘Ilm al-lughah al-‘Arabiyyah*. Kaherah. Dar Gharīb.
- Jalaluddin, N. H. 1992. *Semantik dan Pragmatik dalam Teori Relevan*. *Jurnal Dewan Bahasa*. 34 (6). 474-483.
- Mas, K. K. M .1988. *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lado, R. 1957. *Linguistics Across Cultures*. Ann Arbor. The University Press.
- Matlub, A. 1983. *Mu`jam al-mustalahat al-balaghiyyah wa taṭawwuruhu*. Baghdad.
- Mukhtar, A. 1988. *‘Usus ‘ilm al-lughah*. Beirut: ‘alam al-kutub.
- Omar, A. 1980. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman, A. 1981. *Tatabahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Rejab, I. M., Lubis, M. B., Rahman, T. A., Rahman, M. Z. A, & Suhaimee, S. 1996. *Glosari Bahasa dan Kusasteraan Arab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Said, A. S. 2003. *Salina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sibaweih, A. U. 1998. *Al-Kitab*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Wati, A. M. D. A. B. 2003. *Sandera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za’ba, Z. A. A., 2002. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.